

## KEPEKAAN TERHADAP PEMIKIRAN LIBERAL DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM INSTITUSI AGAMA DI SELANGOR

### *PERCEPTIONS AND SENSITIVITY TOWARDS LIBERAL IDEOLOGIES AMONG CIVIL SERVANTS IN RELIGIOUS INSTITUTIONS IN SELANGOR*

Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah<sup>1\*</sup>, Mohd Shairawi Mohd Noor<sup>2</sup>, Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib<sup>3</sup>, Zaharudin Salim<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Dakwah & Usuluddin Fakulti Pengajian & Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, mfaarooz@kuis.edu.my.

<sup>2</sup> Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Buhuth Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, shairawi@muftiwp.gov.my.

<sup>3</sup> Pensyarah, Jabatan Dakwah & Usuluddin Fakulti Pengajian & Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, faizmukmin@kuis.edu.my.

<sup>4</sup> Ketua Audit Dalam, Kumpulan Pengurusan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), MAIS., zaharudin@mais.gov.my

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 03 Februari 2025

Selepas Pembetulan: 21 April 2025

Diterima untuk terbit: 29 Mei 2025

#### **Abstrak**

Fenomena pemikiran liberal yang berkembang dalam pelbagai aspek global seperti ekonomi, budaya, dan teknologi kini menimbulkan cabaran terhadap kelangsungan akidah umat Islam. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap kepekaan penjawat awam institusi Islam di Selangor terhadap isu-isu berkaitan pemikiran liberal yang boleh mengancam prinsip akidah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah pengumpulan data melalui analisis dokumen dan soal selidik, serta teknik pensampelan bertujuan. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan tahap kepekaan yang positif dalam kalangan responden, namun terdapat kecenderungan elemen liberal dalam isu-isu tertentu seperti Perlembagaan, institusi Kesultanan, dan pluralisme agama. Hasil kajian ini memberikan implikasi terhadap perumusan dasar pendidikan akidah serta mengukuhkan peranan institusi seperti MAIS dan JAIS dalam menghadapi pengaruh pemikiran liberal di peringkat negeri.

#### **Kata kunci**

Kepekaan, Pemikiran Liberal, Penjawat Awam, Institusi Agama, Selangor.

#### **Abstract**

*The growing influence of liberal thought across various global domains—including economics, culture, and technology—has posed significant challenges to the preservation of Islamic creed ('aqidah). This study aims to examine the level of awareness among civil servants serving in Islamic*

*institutions in Selangor regarding issues related to liberal ideologies that may undermine core tenets of the faith. Employing a quantitative research design, data were collected through document analysis and structured questionnaires, using purposive sampling to identify relevant participants. Descriptive analysis involving mean scores and standard deviations was used to interpret the data. The findings indicate a generally positive level of awareness among respondents; however, traces of liberal influence were observed in specific areas such as interpretations of the Federal Constitution, perceptions of the Sultanate, and attitudes toward religious pluralism. The implications of this study suggest the need for renewed policy initiatives in faith education and reinforce the strategic role of institutions such as MAIS and JAIS in addressing the ideological shifts taking place at the state level.*

**Keywords**

*Sensitivity, Liberal Thought, Public Servants, Religious Institutions, Selangor State.*

**1. Pengenalan**

Pemikiran liberal merupakan salah satu daripada ideologi barat yang turut menjadi ancaman kepada seluruh umat Islam di Malaysia. Pemikiran liberal yang menjunjung kebebasan individu, suara, hak asasi dan kesamarataan agama boleh mempengaruhi minda umat Islam jika tidak ditangani segera. Dalam masa yang sama, istilah seperti *maqasid syariah*, *wasatiyyah* (moderat), *masalah* dan *rahmat lil alamin* turut disalahgunakan bagi menarik perhatian umat Islam. Malah kesan daripada pemikiran liberal ini dapat dilihat berdasarkan pelbagai isu dan permasalahan yang berlaku mutakhir ini sehingga ianya menjadi ancaman kepada keutuhan asas pembinaan agama Islam seperti isu pluralisme agama, penggunaan kalimah Allah, penolakan terhadap undang-undang syariah, kebebasan untuk murtad dan sebagainya.

**2. Latar Belakang Kajian**

Strategi Barat dalam memesongkan akidah umat Islam melalui serangan pemikiran telah diperjelaskan oleh ramai sarjana Islam antaranya yang terkini ialah Basem Khafaji yang mendedahkan tentang laporan *RAND Corporation* dari Amerika Syarikat (Angel Rabasa et al., 2007). Aliran liberalisme barat menyatakan bahawa serangan pemikiran barat ke atas umat Islam adalah lebih utama berbanding peperangan melibatkan ketenteraan. Tambahan lagi, bagi melaksanakan perancangan tersebut, barat hanya perlu menyediakan tapak dan gelanggang permainannya sahaja untuk diberikan latihan yang secukupnya, manakala pelaksanaannya diserahkan kepada umat Islam sendiri berdasarkan cita rasa dan kawalan dari Barat (Basem Khafaji, 2007). Dalam hal ini, salah satu ideologi yang menjadi senjata barat terhadap umat Islam ialah penyebaran pemikiran liberal.

Kemunculan idea bagi pemikiran liberal oleh golongan yang dikenali sebagai Muslim liberal dalam wacana pemikiran Islam mempunyai kaitan secara langsung dengan falsafah di barat. Istilah Islam liberal dikatakan pertama kali ditonjolkan oleh Charles Kuzman (1988) dalam bukunya *Liberal Islam: A Source Book* yang menyatakan bahawa muslim pertama mencadangkan nama 'Liberal Islam' ialah Asf Ali Ashgar (Faydi) (1899-1981). Kemudian diteruskan oleh Leonard Binder (1998) dalam bukunya *Islamic Liberalism: A Critique of Development Ideologies*. Walaupun istilah Islam liberal ini baru diperkenalkan, namun idea bagi pemikiran liberal telah didokong lebih awal oleh

sekumpulan umat Islam. Sebahagian pengkaji menyatakan bahawa Islam liberal muncul di saat kerajaan Turki Uthamaniyyah berada diambang kejatuhan. Kumpulan ini berhasrat mengajak umat Islam kepada gerakan modenisme memperjuangkan pembaharuan. Kesenambungan usaha ini diteruskan oleh golongan Islam liberal secara radikal melalui tokoh-tokoh seperti Ali Abdul Raziq, Mohammed Arkoun, Nasr Hamid Abu Zayd, Hassan Hanafi, Aminah Wadud dan sebagainya lagi.

Di rantau Nusantara projek Islam liberal bermula di Indonesia semenjak tahun 1970an lagi melalui usaha Abdul Mukti Ali, Harun Nasution, Nurcholish Madjid, Ulil Absar dan lain-lain, sehingga pada tahun 2001 mereka menubuhkan Jaringan Islam Liberal (JIL). Dalam hal ini, Nurcholish Madjid (2008) mengetengahkan tiga idea atau gagasan bertujuan menjalankan proses liberalisasi terhadap agama Islam iaitu melalui sekularisasi, kebebasan berfikir dan gagasan kemajuan. Sekularisasi yang merupakan tunjang utama idea ini dinyatakan sebagai suatu bentuk pembebasan terhadap pelbagai pandangan keagamaan yang dianggap keliru tetapi sudah kukuh disebabkan tradisi yang mendasari ajaran Islam. Namun idea sekularisasi ini telah dikritik hebat oleh HM Rasjidi (1977) dalam bukunya Koreksi Terhadap Drs Nurcholish Madjid Tentang Sekularisasi.

Dalam konteks Malaysia, pemikiran liberal kelihatan berkembang melalui pelbagai jalan dan saluran, antaranya melalui jaringan internet dan kemasukan buku-buku berkaitan dari luar negara. Hal yang demikian dipelopori oleh individu dan kumpulan tertentu yang berfahaman pemikiran liberal. Namun perkembangan terkini menunjukkan bahawa pemikiran liberal juga berkembang melalui politik yang tidak cenderung kepada agenda Islam. Dalam masa yang sama, tidak dinafikan pemikiran liberal turut didokong oleh golongan bukan Islam, khususnya kristian sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hal ini dapat dilihat berdasarkan beberapa isu yang ditimbulkan, antara yang paling jelas ialah tuntutan yang dikemukakan oleh InterFaith Commision (IFC) atau IRC pada tahun 2001 dan tuntutan COMANGO pada tahun 2013.

### 3. Permasalahan Kajian

Dalam pada itu, permasalahan pemikiran liberal melibatkan kepekaan terhadap isu yang berlaku mengenai pemikiran liberal. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sering dipersepsi secara keliru sebagai kurang serius atau tidak memberikan komitmen yang sewajarnya dalam menangani penularan pemikiran liberal yang bercanggah dengan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) dalam kalangan penjawat awam. Jabatan agama Islam negeri juga seolah-olah memandang rendah dalam mengambil tindakan terhadap pemikiran-pemikiran yang menyeleweng seperti pemikiran liberal ini. Selangor yang berada dalam kawasan Lembah Klang dilaporkan sebagai kedudukan antara yang paling aktif dengan kegiatan ajaran sesat termasuk pemikiran liberal. Perkara ini berlaku kerana Lembah Klang adalah lokasi paling strategik bagi ajaran sesat menapak dan menyebarkan ideologi mereka dengan logistik serta kemudahan sekeliling yang jauh lebih baik daripada negeri-negeri lain (Majlis Agama Islam Selangor, 2020).

Berdasarkan kajian-kajian di atas menunjukkan terdapat kajian yang mempunyai perkaitan kecenderungan terhadap aliran liberal, tahap kefahaman mengenai bahayanya, dan kepekaan terhadap isu-isu yang timbul daripadanya merupakan aspek utama yang dikaji. Permasalahan ini perlulah diberikan perhatian serius oleh institusi-

institusi Islam di Malaysia khususnya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) kerana telah terdapat ancaman pemikiran liberal untuk meruntuhkan autoriti institusi-institusi Islam di Selangor. Permasalahan sebegini amatlah penting untuk dititik beratkan memandangkan institusi Islam merupakan badan keagamaan yang berperanan sebagai pelaksana agama Islam dan mendaulatkan Islam di Selangor. Oleh itu, perlunya kepada sebuah kajian menyeluruh dan sistematik berkaitan ancaman pemikiran liberal terhadap Institusi Islam dalam kalangan Penjawat Awam di Selangor.

#### **4. Batasan Dan Fokus Kajian**

Batasan kajian merupakan elemen penting dalam sesuatu penyelidikan kerana ia membantu mengehadkan bidang kajian agar lebih terfokus dan tidak terlalu luas (Ahmad Sunawari Long, 2009). Kajian ini tertumpu kepada mengenal pasti tahap kepekaan penjawat awam institusi Islam di Negeri Selangor terhadap pemikiran liberal. Tahap kepekaan ini dianggap signifikan kerana ia memberi kesan langsung terhadap pentadbiran hal ehwal agama Islam di peringkat negeri. Walaupun isu ini bukan tumpuan utama kajian, ia tetap relevan kerana mempunyai kaitan rapat dengan ciri-ciri dan agenda pemikiran liberal lain yang dibincangkan secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini pada bahagian yang bersesuaian.

Kajian ini menumpukan kepada penjawat awam institusi Islam di Selangor yang meliputi Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dan beberapa masjid terpilih. Pemilihan sampel ini berasaskan peranan penting institusi tersebut sebagai pihak berkuasa utama selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam urusan hal ehwal agama Islam di negeri ini. Responden kajian terdiri daripada 288 penjawat awam lelaki dan perempuan berumur antara 18 hingga 60 tahun, yang dipilih secara purposif bagi memastikan data yang dikumpul mencerminkan pandangan mereka secara tepat.

Kajian dijalankan di Negeri Selangor, yang merupakan pusat pentadbiran institusi-institusi Islam utama di Malaysia. Selangor dipilih kerana statusnya sebagai negeri dengan institusi Islam yang aktif dan berperanan besar dalam mentadbir hal ehwal agama Islam di peringkat negeri. Lokasi ini juga dianggap sesuai untuk menilai tahap kepekaan penjawat awam terhadap isu pemikiran liberal dalam konteks pentadbiran agama.

#### **5. Metodologi Kajian**

Metodologi kajian ini secara efektif menggunakan rekabentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik. Jenis kajian yang digunakan bagi kajian kuantitatif ialah tinjauan yang telah digunakan bagi memperoleh data-data kajian. Data yang dikumpulkan akan diproses menggunakan program Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 25. Dapatan akan dijelaskan secara deskriptif bagi menganalisis tahap kepekaan terhadap pemikiran liberal dalam kalangan penjawat awam institusi agama di Selangor.

Teknik persampelan bertujuan (*purposive*) digunakan bagi mendapatkan maklumat yang khusus dan spesifikasi mengikut objektif kajian. Sampel yang dipilih adalah memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam kajian. Satu set instrumen soal selidik telah dibina untuk tujuan tersebut. Bagi menentukan saiz sampel, kajian merujuk kepada jadual Krejcie dan Morgan (1970). Sebanyak 288 responden. Data-data yang diperolehi telah dianalisis. Data yang dikumpulkan akan ditadbir menggunakan program Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 25. Berikut merupakan jadual saiz sampel.

Jadual 1: Krejcie dan Morgan (1970)

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
10	10	85	70	220	140	440	205	1200	291	4000	351
15	14	90	73	230	144	460	210	1300	297	4500	354
20	19	95	76	240	148	480	214	1400	302	5000	357
25	24	100	80	250	152	500	217	1500	306	6000	361
30	28	110	86	260	155	550	226	1600	310	7000	364
35	32	120	92	270	159	600	234	1700	313	8000	367
40	36	130	97	280	162	650	242	1800	317	9000	368
45	40	140	103	290	165	700	248	1900	320	10000	370
50	44	150	108	300	169	750	254	2000	322	15000	375
55	48	160	113	320	175	800	260	2200	327	20000	377
60	52	170	118	340	181	850	265	2400	331	30000	379
65	56	180	123	360	186	900	269	2600	335	40000	380
70	59	190	127	380	191	950	274	2800	338	50000	381
75	63	200	132	400	196	1000	278	3000	341	75000	382
80	66	210	136	420	201	1100	285	3500	346	100000	384

Menurut Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2016), instrumen kajian adalah alat kajian bagi mendapatkan data dalam sesuatu penyelidikan. Dengan itu, dua bentuk instrumen telah dibina dan digunakan dalam kajian ini iaitu data-data diperolehi melalui penyelidikan kepustakaan. Penelitian dibuat ke atas bahan-bahan bercetak seperti jurnal, buku, rencana-rencana, majalah dan akhbar-akhbar tempatan. Kaedah penyelidikan perpustakaan ini dilaksanakan bertujuan mendapatkan data-data atau maklumat yang berkaitan dengan sejarah, maksud, teori dan latar belakang yang berkaitan dengan kajian yang sedang dijalankan. Dalam soal selidik tersebut, pengkaji menggunakan *Skala Likert*. Secara umumnya, borang soal selidik yang digunakan mengandungi bahagian Tahap kepekaan penjawat awam institusi islam di Selangor terhadap isu-isu yang berlaku mengenai pemikiran liberal.

## 6. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Ketauhidan kepada Allah SWT adalah tonggak pegangan hidup umat Islam. Namun begitu, kesan daripada globalisasi dan kecanggihan teknologi telah menyalurkan maklumat mengenai fahaman dan doktrin yang boleh menyimpangkan akidah umat Islam. Sehubungan dengan itu, kajian ini untuk menangani isu dan permasalahan akidah yang bertujuan menganalisis tahap kepekaan terhadap pemikiran liberal dalam kalangan penjawat awam institusi agama di Selangor. Perkara ini penting kerana institusi agama bertindak sebagai benteng serta berdakwah dalam menjaga dan mendidik umat Islam mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah daripada segi akidah, syariah dan akhlak di Selangor. Secara perincian tahap kepekaan mengikut institusi adalah seperti di bawah:

Jadual 2: Kepekaan Mengikut item (JAIS)

Pernyataan	Tidak Pernah		Pernah	
	n	(%)	n	(%)
Isu Malaysia Negara Islam /Negara Sekular	24	15.8	128	84.2
Isu Hapuskan Institusi Agama (JAIS/MAIS/JAKIM)	43	28.5	108	71.5
Isu Penggunaan Kalimah Allah Oleh Bukan Islam	12	7.9	140	92.1
Isu Penubuhan Interfaith Commision (IFC) Suruhanjaya Antara Agama	43	28.3	109	71.7
Isu JAKIM Tiada Peranan Dalam Menentukan Moral Individu	51	33.6	101	66.4
Isu Pertukaran Agama (Murtad)	12	7.9	140	92.1
Isu Dakwaan Menghina Agama Islam Dan Melanggar Fatwa	9	5.9	143	94.1
Isu Pembentangan Rang Undang-Undang (RUU355)	21	13.8	131	86.2
Isu Konflik Bidang Kuasa Mahkamah Sivil Dan Mahkamah Syariah	19	12.6	132	87.4
Isu SIS Menentang Pengistiharan Fatwa	26	17.1	126	82.9
Isu G25 Memperjuangkan Agar Hukuman Khalwat Dimansuhkan	27	17.8	125	82.2
Isu Wanita Menjadi Iman Solat Bagi Lelaki	29	19.1	123	80.9
Isu Tuntutan Hak LGBTQI (Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender, Queer, Inter Sex)	11	7.2	141	92.8
Isu Hakpenjagaan Anak Pasangan Berlainan Agama	24	15.8	128	84.2
Isu Kedudukan Islam Dalam Perelmbagaan Persekutuan	22	14.5	130	85.5
Isu Penentuan Agama Islam Kanak-Kanak Selepas Bercerai	23	15.1	129	84.9
Isu Penentangan Terhadap Undang-Undang Islam	16	10.5	136	89.5
Isu Hak Sama Rata Lelaki Dan Wanita	19	12.5	133	87.5
Isu Pengharaman Yoga Bagi Umat Islam	21	13.8	131	86.2

Isu Penyelewengan Maqasid Syariah	41	27.0	111	73.0
Isu Penganut Agama Lain Campur Tangan Dalam Hal Ehwal Islam	22	14.5	130	85.5
Isu Pengesahan Perkahwinan Berlainan Agama	25	16.4	127	83.6
Isu Larangan Penjualan Arak Kepada Orang Islam	16	10.5	136	89.5
Isu Rampasan Bible Versi Bahasa Melayu	16	10.5	136	89.5
Isu Salah Faham Maqasid Syariah	41	27.0	111	73.0
Isu Wanita Berhijab	19	12.5	133	87.5

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden JAIS pernah mendengar kesemua isu-isu yang telah digariskan. Namun begitu terdapat juga isu yang kurang reponden pernah mendengarnya seperti Isu JAKIM tiada peranan dalam menentukan moral individu.

Jadual 3: Kepekaan Mengikut Item (MAIS)

Pernyataan	Tidak Pernah		Pernah	
	n	(%)	n	(%)
Isu Malaysia Negara Islam /Negara Sekular	9	8.7	94	91.3
Isu Hapuskan Institusi Agama (JAIS/MAIS/JAKIM)	21	20.4	82	79.6
Isu Penggunaan Kalimah Allah Oleh Bukan Islam	1	1.0	102	99.0
Isu Penubuhan Interfaith Commision (IFC) Suruhanjaya Antara Agama	35	34.0	68	66.0
Isu JAKIM Tiada Peranan Dalam Menentukan Moral Individu	34	33.0	69	67.0
Isu Pertukaran Agama (Murtad)	4	3.9	99	96.1
Isu Dakwaan Menghina Agama Islam Dan Melanggar Fatwa	7	6.8	96	93.2
Isu Pembentangan Rang Undang-Undang (RUU355)	8	7.8	95	92.2
Isu Konflik Bidang Kuasa Mahkamah Sivil Dan Mahkamah Syariah	6	5.8	97	94.2
Isu SIS Menentang Pengistiharan Fatwa	12	11.7	91	88.3
Isu G25 Memperjuangkan Agar Hukuman Khalwat Dimansuhkan	14	13.6	89	86.4
Isu Wanita Menjadi Iman Solat Bagi Lelaki	15	14.6	88	85.4
Isu Tuntutan Hak LGBTQI (Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender, Queer, Inter Sex)	10	9.7	93	90.3
Isu Hakpenjagaan Anak Pasangan Berlainan Agama	12	11.7	91	88.3
Isu Kedudukan Islam Dalam Perelmbagaan Persekutuan	10	9.7	93	90.3
Isu Penentuan Agama Islam Kanak-Kanak Selepas Berceraai	12	11.7	91	88.3
Isu Penentangan Terhadap Undang-Undang Islam	8	7.8	95	92.2
Isu Hak Sama Rata Lelaki Dan Wanita	9	8.7	94	91.3
Isu Pengharaman Yoga Bagi Umat Islam	4	3.9	99	96.1

Isu Penyelewengan Maqasid Syariah	22	21.4	81	78.6
Isu Penganut Agama Lain Campur Tangan Dalam Hal Ehwat Islam	11	10.7	92	89.3
Isu Pengesahan Perkahwinan Berlainan Agama	15	14.6	88	85.4
Isu Larangan Penjualan Arak Kepada Orang Islam	5	4.9	98	95.1
Isu Rampasan Bible Versi Bahasa Melayu	5	4.9	98	95.1
Isu Salah Faham Maqasid Syariah	18	17.5	85	82.5
Isu Wanita Berhijab	11	10.7	92	89.3

Dapatan kajian menunjukkan responden MAIS pernah mendengar kesemua isu yang telah digariskan. Namun begitu terdapat juga isu yang agak kurang responden pernah mendengarnya iaitu isu JAKIM tiada peranan dalam menentukan moral individu dan isu Penubuhan Interfaith Commision (IFC) Suruhanjaya antara agama.

Jadual 4: Kepekaan Mengikut Item (Masjid)

Pernyataan	Tidak Pernah		Pernah	
	n	(%)	n	(%)
Isu Malaysia Negara Islam /Negara Sekular	0	0.0	33	100.0
Isu Hapuskan Institusi Agama (JAIS/MAIS/JAKIM)	6	18.2	27	81.8
Isu Penggunaan Kalimah Allah Oleh Bukan Islam	1	3.0	32	97.0
Isu Penubuhan Interfaith Commision (IFC) Suruhanjaya Antara Agama	7	21.2	26	78.8
Isu JAKIM Tiada Peranan Dalam Menentukan Moral Individu	6	18.2	27	81.8
Isu Pertukaran Agama (Murtad)	0	0.0	33	100.0
Isu Dakwaan Menghina Agama Islam Dan Melanggar Fatwa	0	0.0	33	100.0
Isu Pembentangan Rang Undang-Undang (RUU355)	3	9.1	30	90.9
Isu Konflik Bidang Kuasa Mahkamah Sivil Dan Mahkamah Syariah	1	3.0	32	97.0
Isu SIS Menentang Pengistiharan Fatwa	0	0.0	33	100.0
Isu G25 Memperjuangkan Agar Hukuman Khalwat Dimansuhkan	4	12.1	29	87.9
Isu Wanita Menjadi Iman Solat Bagi Lelaki	3	9.1	30	90.9
Isu Tuntutan Hak LGBTQI (Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender, Queer, Inter Sex)	2	6.1	31	93.9
Isu Hakpenjagaan Anak Pasangan Berlainan Agama	2	6.1	31	93.9
Isu Kedudukan Islam Dalam Perelmbagaan Persekutuan	1	3.0	32	97.0
Isu Penentuan Agama Islam Kanak-Kanak Selepas Bercerai	1	3.0	32	97.0

Isu Penentangan Terhadap Undang-Undang Islam	1	3.0	32	97.0
Isu Hak Sama Rata Lelaki Dan Wanita	1	3.0	32	97.0
Isu Pengharaman Yoga Bagi Umat Islam	0	0.0	33	100.0
Isu Penyelewengan Maqasid Syariah	5	15.2	28	84.8
Isu Penganut Agama Lain Campur Tangan Dalam Hal Ehwal Islam	2	6.1	31	93.9
Isu Pengesahan Perkahwinan Berlainan Agama	2	6.1	31	93.9
Isu Larangan Penjualan Arak Kepada Orang Islam	0	0.0	33	100.0
Isu Rampasan Bible Versi Bahasa Melayu	0	0.0	33	100.0
Isu Salah Faham Maqasid Syariah	5	15.2	28	84.8
Isu Wanita Berhijab	1	3.0	32	97.0

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden di Masjid pernah mendengar kesemua isu-isu yang telah digariskan. Sebanyak 26 isu telah digariskan untuk mengukur kepekaan responden terhadap isu-isu pemikiran liberal yang berlaku di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden pernah mendengar kesemua isu-isu yang digariskan.

Namun begitu terdapat juga isu yang agak kurang responden mendengarnya iaitu isu JAKIM tiada peranan dalam menentukan moral individu bagi responden daripada JAIS. Isu ini berkaitan dengan kenyataan Noor Farida selaku Jurucakap G25 menerusi Berita Astro Awani bertarikh 15 Ogos 2015 telah menyuarakan pendirian mereka mengenai JAKIM. Beliau berpendapat bahawa JAKIM sepatutnya tiada peranan langsung dalam menentukan moral individu berdasarkan kesalahan jenayah yang dilakukan seseorang itu (Astro Awani, 2015).

Rentetan itu, pada 9 November 2015 melalui portal berita online The Malaysian Insider, Tawfik Ismail mendesak kerajaan memasukkan JAKIM. Menurut beliau ketika JAKIM belum ditubuhkan, kerajaan tidak memberitahu rakyat Malaysia yang beragama Islam bagaimana untuk mengamalkan agama serta kepercayaan mereka dan tiada siapa memandang serong terhadap umat Islam yang membela anjing. Dalam hal ini, JAKIM seolah-olah bertugas tanpa arah tujuan, selain bertujuan untuk campur tangan dalam kehidupan peribadi rakyat Malaysia (The Malaysian Insider, 2015).

Tuntutan Tawfik Ismail untuk memansuhkan JAKIM mendapat sokongan daripada beberapa individu lain seperti Farouk A. Peru, melalui artikel bertarikh 12 November 2015 yang disiarkan dalam portal berita online The Malaysia Insider. Farouk A. Perlu memberi sokongan penuh dan merasakan bahawa ini adalah semua yang diperlukan untuk pemulihan negara. Menurut Farouk A. Peru, JAKIM tidak menyumbang apa-apa perkara yang berfaedah kepada pembangunan Islam di Malaysia. Malah akaun Facebook dan twitter mereka tidak mempunyai perbincangan berkaitan falsafah Islam, tetapi ianya lebih memaparkan mengenai gambar-gambar yang kurang serius.

Permintaan memansuhkan JAKIM turut disambut oleh Zaharin Mohd Yassin melalui portal berita online Mstar bertarikh 13 November 2015, beliau menyatakan bahawa JAKIM perlu menjadi badan bebas, malah beliau merasakan bahawa kerajaan seharusnya tidak memainkan peranan dalam JAKIM atau Islam. Bukan itu sahaja, beliau juga mencadangkan agar jawatan Menteri hal Ehwal Agama Islam yang disandang oleh

Dato Seri Jamil Khir Baharom hendaklah dimansuhkan. Ini kerana beliau tidak setuju dengan amalan JAKIM yang campur tangan dalam kehidupan umat Islam di Malaysia dan memalukan segelintir individu yang dianggap tidak Islam. Bahkan bagi beliau ianya bermaksud memalukan Islam itu sendiri (Mstar, 2015).

JAKIM juga menerima serangan daripada Wan Ji Wan Hussin (2015) yang menyatakan bahawa pengurusan Jabatan agama Islam paling lembab. Begitu juga keparahan pentadbiran Islam yang berlebal Islam menunjukkan wajah kediktatoran. Menurut Wan Ji lagi, JAKIM sering kali memaksa seluruh umat Islam di Malaysia mengikut agama yang telah ditafsirkan oleh mereka. Malah lebih parah, menurut Wan Ji bahawa JAKIM disalah erti sebagai wakil ketua agama Islam yang seakan-akan mendakwa sebagai sama tahap dengan Nabi Muhammad SAW.

Selain itu, desakan untuk memansuhkan JAKIM turut disambut baik oleh golongan anak muda yang bergerak menggunakan platform gerakan buku indie (Muhamad Rashidi Wahab & Siti Nur Hidayah Kusnin, 2016). Benz Ali contohnya yang merupakan antara penggerak buku Indie, memuat naik stautus di Facebooknya pada 11 November 2015 yang bersetuju agar JAKIM dihapuskan di Malaysia seperti berikut:

“Aku memang setuju pun JAKIM dihapuskan, di Indonesia Islam tetap wujud walaupun tiada JAKIM. Orang Islam di Malaysia jadi bodoh sebab di Malaysia ada JAKIM. Kalau aku jadi sultan, aku akan hapuskan JAKIM”, katanya.

Dalam status berasingan, Benz Ali turut mengkritik JAKIM yang menurutnya JAKIM yang menyebabkan orang Islam di Malaysia menjadi bodoh, bebal dan tidak berguna. JAKIM dan jabatan-jabatan agama diumpamakan sebagai tuhan baru bagi orang Islam di Malaysia. Selain itu, Eric Paulsen yang merupakan seorang peguam yang merupakan Pengarah Eksekutif dan pengasas bersama pertubuhan bukan kerajaan, Lawyer for Liberty (LFL) menuduh JAKIM mengalakkan ektremisme atau fahaman melampau pada setiap jumaat. Beliau memuat naik status di twitter 9 januari 2015 katanya:

*“JAKIM is promoting extremisim every Friday” givt needs to address that, It is serious about extremist in Malaysia.”*

Walaupun beliau tidak menyebut secara jelas mengenai khutbah jumaat, namun difahami bahawa beliau memperkatakan tentang khutbah jumaat dari JAKIM yang menganjurkan fahaman ektremis.

Manakala responden MAIS pula ialah isu JAKIM tiada peranan dalam menentukan moral individu dan isu penubuhan IFC atau suruhanjaya antara agama. Mahkamah dan undang-undang syariah juga dicabar hebat oleh cadangan penubuhan *Interfaith Commission* (IFC) yang menuntut sebanyak 14 tuntutan yang akan mengugut kedudukan mahkamah syariah dan undang-undang Syariah di Malaysia.

Terdapat cadangan penubuhan IFC atau Suruhanjaya Antara Agama (*Interfaith Commission*) yang pernah dibangkitkan dulu, tetapi ditolak oleh kerajaan. Gerakan pemikiran liberal agama di Malaysia tidak dapat dilihat dengan jelas atau secara rasmi berbanding di Indonesia. Apa yang berlaku di Malaysia ialah ~~idea~~ liberalisme agama ini berkembang melalui pendekatan secara halus dan tidak langsung. Ia boleh dilihat dalam beberapa isu yang cuba mula ditimbulkan (Abd Rahim et al., 2017).

IFC ini merupakan satu suruhanjaya yang dicadangkan penubuhannya sebagai badan berkanun yang mempunyai kuasa undang-undang yang boleh mengubah ajaran sesuatu agama akibat desakan agama lain. Suruhanjaya ini boleh berfungsi sebagai sebuah mahkamah atau satu badan berkanun seakan-akan satu badan seperti suruhanjaya hak asasi manusia yang menerima dan melayan aduan-aduan khususnya yang berkaitan dengan agama. Penubuhan IFC ini dicadangkan oleh *Malaysian Consultative Council Of Buddhism, Christianity, Hinduism dan Sikhism* (MCCBCHS) melalui memorandum mereka dihantar kepada Majlis Peguam bertarikh 21 Oos 2001. Terdapat 14 tuntutan IFC iaitu (Konrad Adenauer Foundation (KAF), 2007):

- i. Secara anak yang dilahirkan oleh ibu bapa Islam tidak mengharuskan secara terus menjadi orang Islam.
- ii. Orang bukan Islam yang telah memeluk agama Islam hendaklah diberi kebebasan untuk kembali kepada agama asal mereka (murtad) dan tidak boleh dikenakan tindakan undang-undang.
- iii. Sebarang kes pertukaran agama orang Islam kepada bukan Islam tidak sepatutnya dikendalikan oleh Mahkamah syariah tetapi dikendalikan oleh mahkamah sivil.
- iv. Tidak perlu dicatatkan dalam kad pengenalan seorang muslim bahawa ia beragama Islam.
- v. Orang bukan Islam tidak perlu dikehendaki menganut Islam sekiranya ingin berkahwin dengan orang Islam. Orang Islam hendaklah dibenarkan keluar daripada Islam (murtad) sekiranya ingin berkahwin dengan orang bukan Islam tanpa boleh dikenakan apa-apa tindakan undang-undang.
- vi. Seseorang atau pasangan suami isteri yang menukar agamanya dengan memeluk Islam tidak patut diberi hak jagaan anak.
- vii. Orang bukan Islam yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan seseorang yang memeluk Islam hendaklah diberi menuntut harta pusakanya selepas kematiannya.

- viii. Kerajaan hendaklah menyediakan dana yang mencukupi untuk membina dan menyelenggara rumah-rumah ibadat orang bukan Islam sebagaimana kerajaan menyediakan dana yang serupa untuk masjid.
- ix. Orang bukan Islam hendaklah dibenarkan dan tidak boleh dihalang daripada menggunakan perkataan perkataan suci Islam dalam percakapan dan sebagainya.
- x. Bible dalam Bahasa Malaysia dan Indonesia sepatutnya dibenarkan kepada umum secara terbuka.
- xi. Pelajaran bukan Islam untuk penganut agama itu hendaklah diajar di semua sekolah.
- xii. Program-program berunsur Islam dalam Bahasa ibunda sesuatu kaum hendaklah ditiadakan. Program dakwah agama lain selain Islam hendaklah dibenarkan untuk disiarkan dalam Bahasa ibunda masing-masing.
- xiii. Orang Islam yang membayar zakat tidak sepatutnya dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan dan wang hasil zakat sepatutnya digunakan juga untuk keperluan orang bukan Islam.
- xiv. Sepatutnya Islam tidak disebut sebagai pilihan pertama masyarakat Islam seperti dalam soal pakaian menutup aurat kepada pelajar sekolah.

## 7. Penutup

Kajian merumuskan bahawa pemikiran liberal merupakan serangan moden yang banyak memberikan keburukan kepada agama dan negara. Dalam konteks penyelidikan ini, ancaman serta kritikan pelampau muslim liberal terhadap institusi Islam di Malaysia diklasifikasikan dalam 8 tema iaitu Perlembagaan Negara Malaysia, institusi Kesultanan, JAKIM, MAIS dan JAIS, institusi Mahkamah dan Undang-Undang Syariah, Ahli Sunah Waljamaah dan Ulama serta institusi Islam yang lain. Daripada 8 tema tersebut, terdapat 2 institusi induk yang terpenting iaitu Institusi Kenegaraan dan Kesultanan yang dilihat terkesan akibat daripada serangan yang dilakukan oleh golongan liberal atau individu tertentu yang terpengaruh tanpa disedari.

Ternyata isu-isu yang dibangkitkan oleh mereka tidak berasas serta tidak berlandaskan kepada fakta-fakta yang sah. Hal ini dapat dilihat apabila segala yang dinyatakan kebanyakan spekulatif, provokatif dan propaganda semata-mata. Sebagai contoh konsep negara Malaysia disalah tafsir sebagai negara sekular, Sultan disalah anggap tidak berperanan dalam hal ehwal agama Islam dan institusi Islam dan lain-lain lagi. Hakikatnya kesemua yang berikut dapat ditangani dengan merujuk kepada asas perundangan dan dasar pentadbiran negara seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Pesekutuan dan Negeri. Maka menjadi tugas institusi Islam untuk

menjelaskan dan menyebarkan fakta yang sahih kepada seluruh umat Islam di Malaysia. Dari segi statistik dapatan kajian data menunjukkan aspek positif dalam penolakan terhadap kecenderungan, kefahaman dan kepekaan terhadap pemikiran liberal oleh Penjawat Awam di Selangor.

Kajian juga mendapati semuanya menunjukkan dapatan yang tinggi, baik dan positif. Dengan kata lain dapatan ini menunjukkan kepekaan Penjawat Awam di Selangor adalah matang dalam berhadapan dengan pemikiran liberal. Kematangan ini dituntut oleh negara bagi mengelakkan salah faham terhadap Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, sekaligus dapat memupuk keharmonian masyarakat serta kerukunan dalam beragama.

Walaupun dapatan menunjukkan sesuatu yang positif tetapi itu tidak bermakna kerajaan negeri Selangor atau pihak-pihak berkaitan boleh menarik nafas lega dan mengalih tumpuan kepada pembangunan aspek-aspek lain, sebaliknya usaha berterusan perlu dilakukan bagi melihat perkembangan baik ini berterusan dan terus dipertahankan dalam usaha kita bersama-sama menangani dan mengekang kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan ASWJ.

Oleh yang demikian, bagi membolehkan usaha ini dilaksanakan secara sistematik dan berkesan, perlu ada kesedaran di peringkat akar umbi berkaitan fahaman ini. Elemen-elemen penting berkaitan fahaman ini dan perkara-perkara yang boleh membawa kepadanya perlu disusun dalam sebuah modul yang sesuai dengan pemikiran generasi muda negara kita. Walau bagaimanapun terdapat sedikit sahaja simptom-simptom tersebut dapat dikesan dalam aspek tertentu contohnya berkaitan Perlembagaan Malaysia, Kesultanan, pluralisme agama dan lain-lain lagi. Justeru itu pihak MAIS dan JAIS tidak boleh memandang ringan isu ini kerana ia berpotensi mengugat kredibiliti MAIS dan JAIS sebagai tunggak utama institusi Islam di Selangor. Akhirnya adalah menjadi suatu kewajipan setiap umat Islam untuk memelihara dan mempertahankan kecuaihan agama Islam di Malaysia daripada agenda pemikiran liberal.

## Rujukan

- Abd Rahim, Rahimin Affandi, and Nor Adina Abd Kadir. 2017. Wacana bias gender dalam masyarakat Melayu di Malaysia: analisis kritikal. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 9(1), 107-128.
- Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amir Hamzah Akal Ali @ Benz Ali. 2014. *Antithesis*. Kuala Lumpur; Dubook Press.
- Angel Rabasa, Cheryl Benard, Lowell H. Schwartz & Peter Sickle 2007. *Moderate Muslim Networks*. USA: RAND Corporation (Centre For Middle East Public Policy).
- Astro Awani. 15 Ogos 2015. JAKIM tiada peranan dalam menentukan moral individu. [Http://www.astroawani.com/berita/jakim-tiada-peranan-dalam-menentukan-moral-individu-noor-farida-69855](http://www.astroawani.com/berita/jakim-tiada-peranan-dalam-menentukan-moral-individu-noor-farida-69855).
- Basem Khafaji. 2007. Staregik barat Mengekang Islam: Kajian Laporan yayasan RAND. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).
- Charles Kuzman 1998. *Liberal Islam: A Source Book*. New York. Oxford University Press.

- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- H.M Rasjidi. 1977. *Koreksi Terhadap Drs Nurcholis Madjij Tentang Sekularisasi*. Jakarta. Penerbit Bulan Bintang
- Konrad Adenauer Foundation (KAF). 2007. *The Initiative For The Formation Of A Malaysian Interfaith Commision: A Documentationt*. S.Hadi Abdullah & K.S Sieh (ed). Kuala Lumpur: Konrad adenauer Faoudation
- Krejcie, V. R., & Morgan, W.D. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement*, (30), Duluth: University of Minnesota.
- Leonard Binder. 1998. *Islamic Liberalisme: A Critique of development ideologi*. Chichago: Univeristy of Chichago Press.
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). 2020. Kenyataan Media Mais Serious Tangani Fahaman Liberal Di Negeri Selangor. Diakses pada 6 Mac 2021 daripada <https://www.mais.gov.my/kenyataan-media/>
- Mstar. 13 November 2015. JAKIM perlu jadi badan bebas – zaharin. <https://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/11/13/jakim-perlu-jadi-badan-bebas/>.
- Muhamad Rashidi Wahab & Siti Nur Hidayah Kusnin. 2016. laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia. Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
- Nurcholish Madjid. 2008. *Islam, kemodernan dan keindonesian*. Bandung. Penerbit Mizan.
- The Malaysian Insider. 9 November 2015. Anak kepada Tun Dr Ismail mahu JAKIM dimansuhkan. <https://www.malaysiainsider.com/bahasa/article/tawfik-ismail-disiasat-menghasut-kerana-gesaan-mansuh-jakim>
- Utusan Malaysia. 20 Ogos 2013. Video Wan Ji mahu hapus system beraja cetus kemarahan. [http://www.utusan.com.my/utusan/dalam\\_negeri/20130821/dn-11/](http://www.utusan.com.my/utusan/dalam_negeri/20130821/dn-11/)
- Utusan Malaysia. 21 Mac 2015. Pengacara BFM didakwa hina hudud. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pengacara-bfm-didakwa-hina-hudud-1.71981>.
- Wan Ji Wan Hussin. 2015. *Ulama Yang Bukan Pewaris Nabi*. Kuala Lumpur. Vinlin Press Sdn Bhd.